

D483

U B414 DEB  
MAHATHIR-SWASTA  
(I)

KUALA LUMPUR, 3 NOV (BERNAMA) -- BEBERAP ORANG AHLI PERNIAGAAN ASING BERMINAT MENYERTAI PENSWASTAAN KETERAPI TANAH MELAYU DAN PROJEK TRANSIT REL LAJU RINGAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI. DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

AHLI-AHLI PERNIAGAAN ITU, YANG MEWAKILI BEBERAPA BUAH FIRMA TERKEMUKA EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT, PADA UMUMNYA MENUNJUKKAN MINAT DATANG DAN MELABUR DI NEGARA INI, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERTEMUAN DENGAN KIRA-KIRA 100 ORANG AHLI PERNIAGAAN ASING DAN TEMPATAN TERKEMUKA YANG MENGHADIRI RUNDINGAN MEJA BULAT FORUM PENGURUSAN EROPAH SELAMA DUA HARI (EMF) MENGENAI PELABURAN DI MALAYSIA DI SINI.

BELIAU BERKATA ANTARA PERKARA YANG DITIMBULKAN SEMASA MESYUARAT ITU IALAH DASAR EKONOMI BARU, PASARAN BERSAMA ASEAN DAN PANDANGAN MASA DEPAN TENTANG EKONOMI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA: +SUASANA SESI ITU AMAT POSITIF DAN MENGGALAKKAN DAN DARIPADA SOALAN YANG DIKEMUKAKAN, JELASLAH MEREKA AMAT BERMINAT TERHADAP NEGARA INI DAN MEREKA INGIN MENGETAHUI LEBIH BANYAK LAGI DARI PIHAK YANG BERKENAAN SENDIRI.+

+JIKA SUASANA INI MENJADI PETUNJUK, KITA AKAN DAPAT MELIHAT MEREKA MELIBATKAN DIRI DALAM EKONOMI KITA MENERUSI PELABURAN,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1935MST 03 11 86